

**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KERJA-KERJA PEMBINAAN TEMBOK PENAHAN UNTUK MASJID  
BARU DAERAH BENTONG**

**SESIJUN 2003 - NOVEMBER 2003**

Laporan Latihan Amali Yang Disediakan Sebagai Memenuhi Keperluan  
Kursus Latihan Amali

DISEDIAKAN OLEH : MOHAMED SOLLEH BIN SHAMSUDIN  
PENSYARAH PENYELIA : EN. ELLEMYISKANDAR KHALID

## **ISIKANDUNGAN**

### **PENDAHULUAN**

Penghargaan 1-2

Pengenalan 3

Objektif latihan amali 5

Objektif laporan 6

**PROFAIL SYARIKAT** 7-12

**Pengenalan kepada projek** 13-18

**PEMBINAAN TEMBOK PENAHAN** 19

Pengenalan kepada tembok penahan 19-23

### **LANGKAH-LANGKAH PEMBINAAN TEMBOK PENAHAN**

1. Kerja-kerja penandaan piket 23

2. Kerja-kerja penggalian 24-25

3. Kerja-kerja pemasangan acuan 26-27

4. Kerja-kerja pemadatan tanah 28-29

5. Kerja-kerja "lean concrete" 30-33

6. Kerja-kerja pemasangan besi tetulang 34-38

7. Kerja-kerja pengkonkritan bagi "base" tembok penahan 39-43

8. Kerja-kerja pemasangan acuan bagi dinding 44-48

9. Kerja-kerja pengkonkritan bagi dinding tembok penahan 49-50

10. Kerja-kerja penanggalan acuan 51

11. Kerja-kerja pemasangan acuan bagi dinding bahagian atas	52-53
12. Kerja-kerja pengkonkritan bagi dinding atas	54
13. Kerja-kerja penanggalan acuan	55
14. Kerja-kerja "back fill" tanah	56
15. Kerja-kerja pembinaan longkang 600 mm	57-61
MASALAH DALAM PEMBINAAN	62-64
UJIAN KIUB KONKRIT	65-66
KOMEN DAN CADANGAN	67-70
CONTOH PENGGIRAAN PENGGUNAAN KONKRIT	71
SPEKIFIKASI JKR	72-122
LAMPIRAN	

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah kerana dengan limpah dan ralatNya selamat saya menjalani latihan amali selama 4 bulan mulai 23 Jun 2003 sehingga 5 November 2003.

Pertama sekali ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengurus Besar Syarikat MARS Trading And Construction Sdn. Bhd., iaitu Tn. Hj. Ali b Md Yusoh kerana telah sudi menerima saya untuk menjalani latihan amali.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pengurus Projek, Encik Engku Ab Rahman b Engku Setibaha yang mengendalikan projek pembinaan Masjid Baru Daerah Raub dan Bentong, Pahang Darul Makmur kerana telah banyak mencurahkan ilmu dan memberi pengalaman baru kepada saya dalam sektor pembinaan yang saya rasa amat penting dan sukar bagi seseorang pelajar itu jika hanya menuntut melalui teori tanpa latihan amali.

Tidak lupa juga kepada pekerja-pekerja yang lain terutama Encik Zulkifli b Muda, sebagai Wakil Tapak yang turut membantu saya semasa di tapak projek. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan galakan sepanjang saya menjalani latihan amali.

## PENGENALAN

Latihan amali merupakan salah satu syarat wajib bagi setiap pelajar Diploma Ukur Bangunan, iaitu sebanyak 12 jam kredit. Latihan amali ini telah berjalan selama 4 bulan iaitu sepanjang semester 5.

Tujuan utama latihan amali ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana sebenar dalam sektor pembinaan dan supaya dapat mengaplikasikan sedikit sebanyak ilmu yang telah dipelajari secara teori ke dalam bentuk praktikal. Ini juga bertujuan untuk menjadikan pelajar lebih bersedia menghadapi alam pekerjaan yang sebenar apabila tamat pengajian serta dapat menyesuaikan diri mereka dengan lebih sempurna terhadap kerjaya yang akan bakal mereka tempuhi kelak, sama ada di dalam badan kerajaan mahupun dalam sektor swasta. Disamping itu juga, pelajar dapat mencari peluang pekerjaan untuk masa hadapan melalui latihan amali ini.

Sepanjang tempoh latihan amali ini dijalankan, banyak pengalaman dan ilmu yang baru bagi diri saya telah diperolehi. Bukan sahaja pengalaman kerja-kerja di tapak bina malah ilmu dalam bidang pengurusan juga turut dapat saya pelajari serba sedikit dan ini memberi gambaran sebenar suasana bekerja dalam sektor pembinaan.

Memang tidak saya nafikan terlalu banyak pengalaman yang saya perolehi sepanjang menjalani latihan amali ini dan ada sebahagiannya tidak dipelajari di kampus. Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak UiTM